

# Orang Asli hargai bantuan kerajaan

» 53 pelajar dihantar lanjut pelajaran di luar negara sejak 2010

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**P**elajar Orang Asli berterima kasih atas bantuan kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memastikan impian mereka untuk melanjutkan pelajaran di luar negara menjadi kenyataan.

Sejak program menghantar pelajar Orang Asli ke luar negara diperkenalkan pada 2010, 53 pelajar dihantar bagi melanjutkan pelajaran, termasuk 13 orang tahun ini.

Seorang daripada mereka, Shima Rabiatul Adawiyah Zainal, 25, berkata tidak mungkin pelajar Orang Asli sepertinya dapat melanjutkan pelajaran sehingga ke luar negara tanpa bantuan kerajaan.

## Manfaat kemudahan

“Pelbagai kemudahan yang disediakan sejak saya di sekolah rendah lagi menjadi faktor pendorong utama kejayaan ini, termasuk mendapat biasiswa penuh untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

“Keluarga memang tidak keuarkan duit untuk menampung



Ismail Sabri beramah mesra dengan **pelajar Orang Asli yang dipilih bagi program PILN selepas menyampaikan bantuan di Putrajaya, semalam.**

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

pembelajaran saya ketika dipilih untuk mengikuti pengajian di Manchester Metropolitan University. Segala persediaan seperti visa dan pasport diuruskan oleh JAKOA.

“Dalam pada itu, Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula membantu dari segi tiket kapal terbang, bantuan baju sejuk dan wang saku,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis ramah mesra Menteri Kemajuan

“**Tidak mungkin pelajar Orang Asli seperti saya dapat melanjutkan pelajaran sehingga ke luar negara tanpa bantuan kerajaan”**

**Shima Rabiatul Adawiyah Zainal, Pelajar Orang Asli**

Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bersama pelajar Program Ijazah Luar Negara (PILN) di sini, semalam.

## Melebihi sasaran

Tahun ini, JAKOA akan menghantar kira-kira 339 pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian di institusi tempatan dan 13 lagi ke universiti luar negara.

Jumlah terbabit melebihi sasaran yang ditetapkan sebelum ini kerana 10 pelajar Orang Asli

disasarkan ke luar negara.

Hamila Samat, 35, pula berkata PILN seharusnya diteruskan kerana memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli melanjutkan pelajaran di luar negara.

“Memang masyarakat Orang Asli selalu ‘diusik,’ kononnya kehidupan kami mundur tetapi sekiranya belajar bersungguh-sungguh, sudah pasti dapat membantu keluarga dan menjadi teladan kepada masyarakat.

## Ringan beban keluarga

“Sebagai masyarakat Orang Asli, saya rasa amat bertuah kerana diberi bantuan khas oleh kerajaan, sekali gus meringankan beban keluarga,” katanya yang akan melanjutkan pelajaran ke Brunel University di London dalam bidang pengurusan perniagaan.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kejayaan meningkatkan peratusan pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian di institusi dalam atau luar negara ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi JAKOA.

“Setakat ini, 3,500 masyarakat Orang Asli memiliki kelulusan ijazah dan daripada jumlah itu, empat adalah pemegang ijazah doktor falsafah, 80 pemilik ijazah sarjana dan selebihnya lulusan ijazah sarjana muda.

“Daripada 13 yang terpilih tahun ini, 10 akan mengikuti program sarjana muda dan tiga lagi adalah pelajar sarjana. Sembilan akan ke United Kingdom, tiga ke Australia dan seorang lagi ke Pennsylvania State University, Amerika Syarikat,” katanya.